

SAWIT

MPOB MENJANA PERUBAHAN INDUSTRI SAWIT

Terbit pada Sabtu minggu pertama setiap bulan



Ahli Parlimen berjuang demi industri sawit

● MUKA 2

MPIC garis tiga pelan transformasi

● MUKA 3



Datuk Amar Douglas Uggah Embas beramah mesra dengan penduduk setempat ketika Program Transformasi Pekebun Kecil diadakan di RH Linggie, Bukit Saban, Betong, Sarawak.

PROGRAM TRANSFORMASI PEKEBUN KECIL

Tingkat pengetahuan amalan pertanian

» Program penerangan galak guna teknologi baharu

Oleh Mohd Saufi Awang
saufi@mpob.gov.my

Penganjuran Program Transformasi Pekebun Kecil Komoditi oleh Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) bersama agensi-agensinya seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Lembaga Getah Malaysia (LGM), Lem-

baga Koko Malaysia (LKM) dan Lembaga Lada Malaysia telah mendapat sambutan menggalakkan penduduk setempat dan pekebun kecil yang mengusahakan tanaman komoditi.

Program Transformasi Pekebun Kecil Komoditi merupakan usaha kementerian bersama agensi bagi meningkatkan penyebaran maklumat dan pengetahuan kepada pekebun kecil komoditi meliputi penggunaan teknologi baru, amalan pertanian baik dan bantuan kerajaan kepada pekebun kecil.

Program penerangan yang melibatkan sesi ceramah oleh wakil agensi dan pameran telah memberi peluang kepada pekebun kecil dan orang ramai mendapatkan maklumat tepat mengenai perkembangan sektor komoditi dan bantuan kerajaan

yang disalurkan melalui agensi dan jabatan kerajaan kepada pekebun kecil yang mengusahakan tanaman komoditi seperti kelapa sawit, getah, koko dan lada.

Tingkat produktiviti

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas menegaskan kerajaan komited membangunkan sektor pekebun kecil melalui penggunaan teknologi baru dan amalan mampan bagi peningkatan produktiviti pengeluaran hasil buah sawit.

Menurutnya, pembangunan sektor komoditi adalah penting dan akan terus diberi keutamaan memandangkan potensinya bagi meningkatkan pendapatan penduduk luar bandar dan menjana ekonomi negara.

Selaras dengan transformasi ekonomi negara, di bawah Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA) sawit, kerajaan telah memberi tumpuan khusus dan bantuan kewangan bagi membantu pekebun kecil yang mengusahakan tanaman sawit atau menanam semula termasuk bekalan benih sawit berkualiti, bantuan baja dan input pertanian.

Kerajaan sedia bantuan

Kerajaan melalui MPOB menyediakan bantuan dan insentif kepada pekebun kecil sawit yang menanam semula atau mengusahakan tanaman baru yang meliputi bantuan anak benih, baja, racun perosak dan bantuan integrasi tanaman dan ternakan bersama sawit.

Dalam sektor sawit, Program Transformasi Pekebun Kecil mensasarkan perubahan minda di kalangan pekebun kecil melalui amalan pertanian baik, penggunaan teknologi baru dalam penanaman sawit dan jentera bagi penuaian buah sawit bagi peningkatan produktiviti.

Penganjuran sesi ceramah yang disampaikan oleh MPOB kepada pekebun kecil memberi fokus kepada kepentingan Amalan Pertanian Baik, Kualiti dan Penggredan Buah Tandan Segar dan Kaedah Pengiraan Harga Buah Sawit serta pelaksanaan skim bantuan kepada pekebun kecil yang layak.

Pendedahan mengenai kaedah penggredan buah sawit dan penetapan harga buah sawit bertujuan memastikan pekebun kecil membekalkan buah sawit berkualiti kepada kilang bagi mendapatkan tawaran harga yang tinggi.

Kerajaan melalui MPIC menyalurkan bantuan melalui MPOB iaitu Skim Tanaman Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Di bawah Skim TBSPK, pekebun kecil yang layak akan menerima bantuan bernilai RM9,000 sehektar yang disediakan dalam bentuk penyediaan kawasan kebun, bekalan anak benih sawit berkualiti dan bantuan baja bagi tahun pertama dan ke dua.

Bantuan kerajaan beri manfaat pekebun kecil

Oleh Muhammad Asyraf Bin Hussin
asyrafhussin@mpob.gov.my

Betong: Program Transformasi Pekebun Kecil Komoditi yang diadakan baru-baru ini di RH Linggie, Sg. Langit, Layar Betong, Sarawak memberikan pendedahan yang sangat baik kepada pekebun kecil terutama berkaitan bantuan yang disediakan oleh Kerajaan.

Program dirasmikan Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas turut dihadiri Menteri Muda Kebajikan Sarawak merangkap Ahli Dun N37 Bukit Saban, Robert Lawson Chuat.

Sampaikan bantuan

Pada program berkenaan, Datuk Amar Douglas turut menyampaikan bantuan kepada 10 pekebun kecil sawit yang terpilih menerima skim Tanam Baru Sawit Pekebun Kecil (TBSPK). Bantuan Kerajaan itu disalurkan melalui Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB).

Seorang pekebun kecil, Donnie Bedindang Anak Damu dari Kampung Sungai Kepayang dalam satu temubual selepas majlis berkenaan berkata, beliau rasa lebih bersemangat setelah diberikan kelulusan TBSPK untuk Baja dan Racun.

Berterima kasih kepada MPOB

Beliau amat berterima kasih kepada MPOB kerana dapat membantu dalam penjagaan sawit serta mutu buah sawit dan menambah lagi pendapatan keluarga. Keluasan ladang sawit beliau adalah 5 hektar.

Seorang lagi pekebun kecil ditemui iaitu Belayong Anak Igai berkata, setelah menerima bantuan daripada MPOB, hasil sawit beliau bertambah baik.

Belayong yang mengusahakan tanaman sawit sejak 10 tahun lalu, berkata akan terus memberi sokongan kepada semua pekebun kecil dalam usaha meningkatkan mutu hasil sawit.

Program berkenaan dihadiri 500 pekebun kecil sekitar kawasan Layar, Betong.

Seminar dan pameran pemindahan teknologi MPOB 2016

YAB Perdana Menteri selaku Menteri Kewangan dalam ucapan bajet 2016 telah mengumumkan bahawa tahun 2016 diisytiharkan sebagai Tahun Pengkomersialan Malaysia di mana usaha akan digembelngkan untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan dari institusi penyelidikan tempatan.

Selaras dengan pengisytiharan ini, Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) akan meningkatkan usaha pengkomersialan hasil penyelidikannya.

Bagi MPOB, memang menjadi suatu fungsi utamanya untuk mengkomersialkan hasil penyelidikan dan pembangunan (R&D).

Ini lantaran daripada hakikat bahawa MPOB dibiayai sebahagian besarnya daripada ses yang dikenakan ke atas industri sawit dan industri pula amat mengharapkan bahawa segala hasil R&D MPOB akan memberi manfaat kepada industri sawit melalui pengkomersialan, penerimaan dan penggunaan oleh industri.

Maka setiap tahun MPOB menganjurkan seminar dan pameran teknologi di mana hasil-hasil penyelidikannya ditawarkan untuk dikomersialkan oleh pihak industri.

Tahun ini, seminar dan pameran teknologi diadakan pada 2 Jun 2016 bertempat di Ibu Pejabat MPOB, Bandar Baru Bangi, Selangor.

Sebanyak 22 teknologi baharu, 10 perkhidmatan baharu dan banyak lagi teknologi yang telah dilancarkan tahun-tahun sebelumnya akan dipamerkan.

Di antara teknologi baharu termasuk agen mengawal penyakit Ganoderma boninense, integrasi tanaman lada hitam dengan sawit, mesin pemungkah buah sawit Hydra-porter, bioreaktor untuk kultur tisu, bahan pencuci berasaskan sawit serta santan sawit PLUS.

Banyak teknologi yang telah ditawarkan oleh MPOB sebelum ini masih terbuka untuk pengkomersialan akan dipamerkan mengikut kluster. Sebagai contoh, kluster yang dipamerkan adalah termasuk mekanisasi ladang, perlindungan tanaman, bahan tanaman, integrasi tanaman dan ternakan, biojisim sawit, produk oleokimia serta produk makanan dan kesihatan.

Suatu ciri baharu Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi MPOB 2016 ialah maklumat mengenai dana dan insentif yang diberikan melalui MPOB untuk mengkomersialkan hasil R&D sawit juga akan dipamerkan.

Di bawah Rancangan Malaysia ke-Sebelas (RMK11), Kerajaan telah memberi peruntukan kewangan untuk menggalakkan pengkomersialan hasil R&D sawit, sama ada teknologi MPOB atau teknologi-teknologi lain.

Pada peringkat hulu, insentif-insentif ini diberi untuk pembelian jentera ladang, serta integrasi tanaman dan ternakan dalam kawasan sawit oleh pekebun kecil.

Pada peringkat hiliran pula, geran diberikan bagi pengkomersialan teknologi produk oleokimia serta produk makanan dan kesihatan berasaskan sawit.

Industri kecil dan sederhana juga digalakkan untuk memohon kemudahan ini.

Semua dijemput ke Seminar dan Pameran Pemindahan Teknologi MPOB 2016 bagi mengetahui dengan lebih lanjut mengenai teknologi-teknologi MPOB serta insentif-insentif yang ditawarkan.

Bagi mereka yang berminat mendengar pembentangan hasil penyelidikan sawit yang dijana oleh pihak universiti, satu seminar percuma iaitu MPOB Graduate Students Assistance Scheme (GSAS) akan diadakan pada 3 Jun 2016 juga di Ibu Pejabat MPOB.

Seminar ini akan membentangkan hasil penyelidikan di peringkat Sarjana dan PhD yang ditaja oleh MPOB di bawah program GSAS MPOB. Di bawah program ini, pelajar-pelajar akan menerima ijazah mereka dari universiti-universiti tempatan.

Sila layari laman web MPOB www.mpob.gov.my untuk maklumat lanjut mengenai kedua-dua seminar ini.



MINDA
Datuk Dr Choo Yuen May

Ketua Pengarah MPOB



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad (barisan pertama, dua dari kiri); Duta Malaysia ke Belgium; Luxembourg/Misi Malaysia ke Kesatuan Eropah Dato' Nafisah Mohamed (barisan kedua: tiga dari kanan); dan Ketua Setiausaha MPIC, Datuk Dr. Sundaran Annamalai (barisan pertama, dua dari kanan) dan para delegasi bergambar bersama Presiden Parlimen Persekutuan Belgium, Siegfried Bracke (baris pertama, tengah).

Ahli Parlimen berjuang demi industri sawit

» *Misi delegasi untuk bantah pengenalan cukai tambahan ke atas minyak sawit*

Oleh Dr Ahmad Kushairi Din dan Nik Aznizan Nik Ibrahim
kushairi@mpob.gov.my/
aznizan@mpob.gov.my

► **Brussels**

Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad mengetuai Misi Minyak Sawit ke Perancis dan Belgium dari 24 hingga 28 April 2016.

Delegasi terdiri Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Dr. Sundaran Annamalai dan Pegawai-pegawai Kanan MPIC, Timbalan Ketua Pengarah (R&D) MPOB, Dr. Ahmad Kushairi Din dan Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC).

Misi kali ini istimewa kerana ia turut disertai oleh lima Ahli Parlimen Malaysia iaitu Datuk Noor Ehsanuddin Mohd Harun Narrashid (Ahli Parlimen Kota Tinggi), Datuk Aaron Ago anak Dagang (Ahli Parlimen Kanowit), Dato' Haji Abdul Rahman Mohamad (Ahli Parlimen Lipis), Datuk Datu Nasrun Datu Mansur (Ahli Parlimen Silam) dan Dr. Azman Ismail (Ahli Parlimen Kuala Kedah).

Misi ini diadakan sebagai satu usaha untuk membantah pengenalan cukai tambahan terhadap minyak sawit yang dianggap diskriminasi di bawah Pertubuhan Perdagangan Dunia (WTO) dan

Malaysia memandang berat akan perkara ini.

Pada 17 Mac 2016, National Assembly of France menerima pakai cadangan untuk memperkenalkan cukai tambahan bagi minyak sawit tidak mampan yang digunakan dalam makanan bermula dari tahun 2017.

Selain cukai sedia ada iaitu pada €104 satu tan, penggabungan undang-undang Perancis bersetuju mengenakan cukai progresif tambahan bermula pada €30 satu tan pada 2017 dan meningkat sebanyak €20 satu tan setiap tahun sehingga menjadikan cukai tambahan berjumlah €90 satu tan pada tahun 2020 menjadikan jumlah cukai €194 satu tan.

Levi baharu ini adalah sebahagian daripada Rang Undang-Undang Biodiversiti yang akan dikaji semula oleh Senat pada bulan Mei atau Jun nanti.

Jika rang undang-undang ini diluluskan, kesan amat dirasai oleh industri sawit terutama sektor pekebun kecil.

Ini bukanlah percubaan pertama pihak di Perancis untuk mengenakan cukai tambahan ke atas minyak sawit. Ia telah dimulakan semenjak tahun 2012, namun usaha mereka dapat digagalkan oleh pihak Malaysia.

Pertemuan pelbagai pihak

Ketika di Paris, Perancis delegasi turut mengadakan pertemuan dengan pihak berkepentingan termasuk Ahli Parlimen, pegawai kanan kerajaan, kumpulan paktan minyak sawit dan CIRAD, organisasi penyelidikan pertanian dan hubungan antarabangsa Perancis, bagi membincangkan cadangan peningkatan cukai import ke atas minyak sawit yang akan dibentangkan di Dewan Senat Perancis.

Manakala di Brussels, Belgium pula, delegasi bertemu dengan Di-

rektorat Tenaga (DG Energy) dan Direktorat Alam Sekitar (DG Environment) di bawah Suruhanjaya Eropah (European Commission - EC) serta ahli-ahli Parlimen Eropah dan Parlimen Belgium bagi menerangkan pengalaman Malaysia dalam membangunkan industri sawit secara mampan.

Perkukuh imej minyak sawit

Peluang ini turut dimanfaatkan oleh delegasi bagi memperkukuhkan imej minyak sawit Malaysia di kedua-dua buah negara serta mengeratkan jalinan kerjasama dua hala di antara Malaysia dengan Perancis dan Belgium.

Cabaran lain yang dihadapi oleh minyak sawit di Perancis dan Belgium ialah isu pelabelan 'Tiada Minyak Sawit' yang mengelirukan para pengguna di negara berkenaan. Pada masa ini, terdapat 729 produk dengan label 'Tiada Minyak Sawit' yang telah dikenal pasti di pasaran Perancis dan Belgium, jumlah ini meningkat sebanyak 6 peratus berbanding dengan tahun 2014.

Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata, walaupun Malaysia berjaya mempromosi dan memperluaskan penggunaan minyak sawit di seluruh dunia, usaha untuk mendidik para pengguna, terutamanya dalam pasaran persekitaran sensitif, mesti terus dilaksanakan.

"Kita hendaklah terus menekankan bahawa minyak sawit adalah jawapan kepada isu keselamatan makanan dunia pada masa akan datang dan merupakan minyak sayuran yang sihat."

"Kita tidak boleh biarkan episod di Perancis berulang dan meletakkan segala usaha untuk mempromosikan minyak sawit yang kita lakukan selama ini sia-sia," tegas beliau ketika berucap di pertemuan dengan kumpulan paktan minyak sawit di Brussels.

Sektor perladangan, komoditi sumbang 8.3 peratus KDNK

» Penyumbang kedua terbesar selepas sektor elektrik dan elektronik

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya

Sumbangan sektor perladangan dan komoditi dalam pembangunan sosioekonomi negara adalah nyata dan terbukti dengan rekod yang dicapai pada tahun 2015 iaitu RM88.1 bilion atau 8.3 peratus daripada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK).

Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Uggah Embas ketika ber-

ucap di Majlis Perhimpunan Bulanan kementeriannya berkata, sektor komoditi juga menyumbang sebanyak RM117.1 bilion atau 15 peratus daripada pendapatan eksport negara.

Ucapan beliau dibacakan oleh Ketua Setiausaha Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Dr Sundaran Annamalai.

Katanya, sektor komoditi juga berjaya menjadi penyumbang kedua terbesar kepada pendapatan eksport negara selepas sektor elektrik dan elektronik.

“Sektor ini terus menjadi ‘net exporter’ terbesar berbanding sektor elektrik dan elektronik serta sektor petroleum dan gas.

Beliau turut menggesa semua agensi dan majlis di bawah kementeriannya terus fokus bagi memantapkan usaha terutama dalam menangani ketidakstabilan harga produk komoditi utama dan mengoptimalkan peruntukan Kerajaan ke arah memanfaatkan pihak berkepentingan da-

lam industri komoditi.

Pasaran eksport

Katanya, industri komoditi negara adalah berorientasikan pasaran eksport dan amat penting bagi kementerian untuk menjamin akses pasaran komoditi lebih luas dan kukuh dapat diperolehi oleh pengeksport produk.

“Pada masa ini, industri sawit terus berhadapan pelbagai cabaran halangan perdagangan bukan tarif terutamanya kempen anti minyak sawit yang berlandaskan isu kemampuan alam sekitar yang semakin meruncing di beberapa buah negara Eropah.

Katanya, yang terbaru apabila Mesyuarat ‘National Assembly’ Perancis meluluskan cadangan bagi mengenakan cukai tambahan secara progresif ke atas eksport minyak sawit ke negara itu.

“Perancis juga bercadang mengecualikan kenaikan cukai ini bagi minyak sawit sekiranya ia memenuhi kriteria kemampuan

alam sekitar.

“Cadangan kenaikan ini adalah dengan alasan bahawa pembangunan industri sawit yang tidak mampan,” katanya.

Jejas daya saing sawit

Beliau berkata, jika kenaikan cukai ini diluluskan, ia akan menjejaskan daya saing industri sawit negara dan dalam jangka panjang memberi kesan ke atas pasaran eksport sawit di pasaran global.

Kata beliau, kementeriannya sedang mengambil pelbagai inisiatif dan tindakan bagi mengatasi hal ini termasuk mengadakan misi teknikal dan ekonomi pada akhir bulan April 2016.

Beliau turut menyarankan agar agensi dan majlis di bawah kementeriannya mempergiatkan usaha bagi memperoleh maklumat melalui risikan pasaran utama secara proaktif.

Ia perlu sentiasa diperkukuh bagi menangani isu pasaran terutamanya yang berbentuk bukan tarif.



“Industri sawit terus berhadapan pelbagai cabaran halangan perdagangan bukan tarif terutamanya kempen anti minyak sawit berlandaskan isu kemampuan alam sekitar yang semakin meruncing di beberapa buah negara Eropah”

Datuk Amar Douglas Uggah Embas
Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi

MPIC garis tiga pelan transformasi

Oleh Noor Asmawati Abdul Samad
watie@mpob.gov.my

Putrajaya: Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC) menggariskan tiga inisiatif sebagai Pelan Transformasi bagi tahun 2016 yang diyakini akan memberi kesan menyeluruh kepada kumpulan sasaran yang penting iaitu pekebun kecil komoditi.

“Salah satu langkah sistematik dilaksanakan Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) iaitu dengan menubuhkan Koperasi Penanam Sawit Mampan (KPSM) yang bertujuan menyatukan pekebun kecil,” kata Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi dalam ucapan sempena Majlis Perhimpunan Bulan MPIC yang dibacakan oleh Ketua Setiausaha kementerian itu, Datuk Dr Sundaran Annamalai.

Satukan pekebun kecil

Katanya, penubuhan KPSM bertujuan menyatukan pekebun kecil bagi menjalankan aktiviti/projek untuk kebaikan bersama seperti meningkatkan pengeluaran dan kualiti buah tandan segar (BTS) secara mampan, pembelian input secara berkelompok bagi mengurangkan kos, dan penjualan BTS berkelompok bagi mendapatkan harga yang tinggi dan



Datuk Dr Sundaran Annamalai menyampaikan Sijil Pengiktirafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam Tahun 2015/2016 dan Sijil Penghargaan Pencapaian Outcome Program/Projek Pembangunan Jawatankuasa Kerja Penilaian Outcome (JKPO) 2015 oleh Unit Penyelarasan Perlaksanaan (ICU), Jabatan Perdana Menteri kepada Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

seterusnya akan meningkatkan pendapatan ahli KPSM.

“Saya percaya model transformasi ini akan dapat merealisasikan sasaran Kerajaan agar pekebun kecil tidak lagi berada da-

lam golongan dengan pendapatan isi rumah 40 peratus terendah atau dirujuk golongan B40.

Katanya, ke arah mentransformasikan perkhidmatan disediakan agensi untuk pekebun kecil

komoditi, MPIC mewujudkan 1 Commodity Service Centre (1CSC) selaras dengan hasrat merakyatkan perkhidmatan awam melalui pendekatan Strategi Lautan Biru Kebangsaan.

“Pelaksanaan program 1CSC akan menggunakan fasiliti sedia ada dan lebih berkesan bagi membolehkan pekebun kecil serta orang ramai mendapatkan maklumat asas berkaitan tanaman komoditi, membuat permohonan bantuan, insentif dan latihan.

Wujud pangkalan data

“Agenda transformasi MPIC yang ketiga ialah mewujudkan satu Pangkalan Data Pekebun Kecil (PDPK) dengan kerjasama semua agensi di bawah kementerian,” katanya.

Beliau berkata, PDPK akan dapat meningkatkan keberkesanan pemantauan dan penyampaian perkhidmatan agensi terutama dalam hal berkaitan pemberian bantuan dan juga khidmat nasihat teknikal kepada golongan pekebun kecil komoditi.

“Usaha transformasi oleh MPIC dan agensi secara berterusan akan dapat memantapkan lagi pembangunan industri komoditi negara,” katanya.

Pada majlis berkenaan Dr Sundaran turut menyampaikan Anugerah Perkhidmatan Cemerlang kepada 21 penerima serta.

Selain itu, MPIC turut menerima pengiktirafan 5 Bintang Agensi Sektor Awam bagi tahun 2015/2016. Pencapaian itu adalah manifestasi kepada usaha kolektif pelbagai pihak yang perlu dipertingkatkan secara berterusan.

PAC bantu tingkatkan penyelidikan sawit

» *Saintis, pakar sumbang rangka penyelidikan strategik MPOB*

Oleh **Fadzil Ghazali**
afadzilg@mpob.gov.my

► **Bangi**

Jawatankuasa Penasihat Program Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) atau Program Advisory Committee (PAC) telah membantu meningkatkan tahap aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) sawit di MPOB.

Pengerusi MPOB, Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad, berkata ahli PAC yang juga saintis dan pakar industri tersohor antarabangsa bekerjasama dalam menyumbang, menilai dan merangka projek penyelidikan strategik untuk MPOB.

“Sehingga kini PAC memainkan peranan penting dalam menelaraskan aktiviti penyelidikan di MPOB. Kita yakin PAC akan terus menyumbang agar aktiviti R&D di MPOB relevan dengan kehendak industri sawit negara,” kata beliau semasa merasmikan Mesyuarat PAC ke 36, di sini baru-baru ini.

Tahun lalu menyaksikan teknologi dan inovasi dibangunkan MPOB mendapat pengiktirafan pelbagai badan antarabangsa. MPOB memenangi 16 pingat emas, 14 perak dan tiga gangsa di 26th International Invention, Innovation & Technology Exhibition (ITEX 2015).

Menang dua pingat emas

Di Malaysia Technology Expo 2015 (MTE 2015) pula, MPOB memenangi dua pingat emas, dua perak dan dua gangsa termasuk anugerah Best of the Best Award. Di Seoul International Invention Fair 2015 (SIIF 2015), MPOB dianugerah tiga pingat emas dan dua pingat gangsa.

Wan Mohammad Khair-il Anuar berkata, penyelidikan MPOB di bidang bioteknologi juga turut mencipta kejayaan memberangsangkan.

MPOB berjaya menghasilkan teknologi untuk mengenal pasti baka sawit cacat yang kurang produktif pada peringkat awal dan ini dapat membantu industri sawit dalam menghasilkan produktiviti maksimum daripada ladang masing-masing.

Hasil kajian ini diterbitkan di muka hadapan jurnal saintifik ‘Nature’ edisi Oktober 2015 di bawah tajuk, Weed Out Bad Karma.

Beliau berkata, MPOB menawarkan 23 teknologi dan 16 perkhidmatan baru yang berkaitan dengan industri sawit untuk pengkomersialan semasa Seminar Pemindahan Teknologi MPOB 2015 yang dianjurkan pada Jun 2015.

Wan Mohammad Khair-il Anuar juga berkata, walaupun minyak sawit terbukti baik untuk kesihatan dan mampu digunakan



Dato' Ar Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad ketika berucap merasmikan Mesyuarat PAC 2016.

dalam pelbagai aplikasi, ianya masih diserang oleh pelbagai kempen tidak berasas.

Jadi mangsa

“Lebih menyedihkan kempen ini berjaya mempengaruhi pembuat polisi dan undang-undang. Akhirnya, industri sawit menjadi mangsa,” katanya.

Wan Mohammad Khair-il Anuar merujuk kepada apa yang berlaku di Perancis di mana minyak sawit mentah dikenakan cukai import tambahan berikutan dasar baru negara itu yang kononnya untuk mengurangkan aktiviti penebangan hutan dan penjaga-

an kesihatan rakyatnya.

Beliau berkata, adalah penting usaha mempromosi kebaikan minyak sawit dan kemampuan industri sawit dilaksanakan secara berterusan kerana masih wujud negara dan pengguna yang masih jahil mengenai kebaikan minyak sawit dan pembangunan industri itu.

“Kita harus mengingatkan dunia bahawa minyak sawit adalah penyelesaian kepada masalah sekuriti makanan global dan ia berkhasiat untuk manusia sejagat. Kita tidak boleh membenarkan episod Perancis berulang lagi,” katanya.

Kunjungan rasmi bincang isu sawit negara

Oleh **Hisham Hussain dan Hisamuddin Mohamad Aspar**
hishamhussain@mpob.gov.my/
hispar@mpob.gov.my

Putrajaya: MPOB mengadakan kunjungan rasmi ke pejabat Ketua Setiausaha Kementerian Perladangan dan Komoditi (MPIC), Datuk Dr Sundaran Annamalai bagi membincangkan isu berkaitan industri sawit negara, di sini baru-baru ini.

Lawatan diketuai Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May diiringi Timbalan Ketua Pengarah (R&D), Dr Ahmad Kushairi Din; Pengarah Bahagian Pembangunan Produk dan Khidmat Nasihat, Rosidah Radzian dan Ketua Unit Khidmat Nasihat Teknikal, Fauziah Arshad.

Kunjungan turut disertai enam Pengurus Serantau MPOB yang pulang ke Malaysia untuk menghadiri Mesyuarat Jawatankuasa Penasihat Program kali ke-36 dan 10 pegawai MPOB lain.

Dr Sundaran ketika pertemuan berkenaan amat mengalu-alukan kehadiran pegawai MPOB ke MPIC, khususnya bagi memperjelaskan isu dan cabaran industri sawit yang sedang dihadapi di seluruh dunia.

Katanya, MPIC sentiasa mem-



Datuk Dr. Sundaran Annamalai (lima dari kiri), Datuk Dr. Choo Yuen May (empat dari kanan) serta pegawai-pegawai MPIC dan MPOB ketika kunjungan rasmi tersebut.

beri sokongan menyeluruh terhadap usaha dijalankan MPOB dan kepentingan pejabat serantau MPOB yang berpusat di Washington D.C, Brussels, Mumbai, Karachi, dan Shanghai.

Katanya, MPIC memandang serius perkembangan yang berlaku di arena antarabangsa yang mungkin boleh mendatangkan kesan yang besar ke atas perdagangan minyak sawit Malaysia seperti di negara Iran, Russia dan China. Isu “French Tax” di Perancis yang mengenakan cukai import tinggi terhadap minyak

sawit.

“Ini adalah satu diskriminasi yang boleh merencatkan pertumbuhan pasaran sawit ke Eropah.

Manfaat potensi

Dr Sundaran juga menggesa MPOB memanfaatkan segala potensi yang ada untuk kepentingan industri minyak sawit negara.

“Marilah kita bersama-sama mengemblem usaha dalam meningkatkan potensi yang ada untuk memperkukuhkan keberkesanan inisiatif yang sedang dan

akan dijalankan bagi meningkatkan pasaran minyak sawit Malaysia di seluruh dunia.

“Usaha mendidik masyarakat khususnya pengguna di dalam dan luar negara terhadap kebaikan minyak sawit perlu ditingkatkan dengan menyebarkan maklumat saintifik yang jelas dan tepat dalam bahasa yang mudah difahami oleh orang awam bagi mengatasi segala tuduhan yang negatif terhadap minyak sawit,” katanya.

Beliau turut menegaskan, industri sawit Malaysia perlu ber-

gerak maju ke hadapan bagi menajana dan meningkatkan hasil industri sawit ke tahap yang lebih tinggi, terutamanya dalam meningkatkan pengeluaran minyak sawit mentah.

Katanya, anjakan paradigma dalam teknologi pengeluaran produk sawit hendaklah dilakukan menerusi usaha penyelidikan dan pembangunan yang dilakukan oleh MPOB yang secara langsung dapat memenuhi permintaan pasaran global yang semakin meningkat.

Dr Choo Yuen May ketika pertemuan berkenaan mengucapkan ribuan terima kasih kepada Dr Sundaran kerana sudi meluangkan masa untuk berjumpa dan membincangkan mengenai industri sawit Malaysia bersama Pengurus Serantau MPOB

Katanya, sesi perbincangan antara kedua-dua pihak penting bagi memaklumkan matlamat, strategi dan inisiatif yang dijalankan oleh MPOB demi menjaga kepentingan industri sawit negara, di samping memperkenalkan tenaga kerja MPOB yang berpangkalan di luar negara.

Semasa pertemuan itu, MPOB turut memaklumkan berkenaan kejayaan yang dicapai Pejabat Serantau dan strategi yang akan dilaksanakan untuk terus memajukan industri sawit negara.

140 peserta sertai sesi interaksi

» Program perkukuh hubungan MPOB, industri sawit

Oleh Hisham Hussain dan Norasliza Semiran
hishamhussain@mpob.gov.my/
norasliza@mpob.gov.my

► Bangi

Lebih 140 peserta daripada pelbagai syarikat dan persatuan terbabit industri sawit menyertai Sesi Interaksi antara Pengurus Serantau Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) di Ibu Pejabat MPOB di sini, baru-baru ini.

Program tahunan berbentuk seminar ini dianjurkan oleh Unit Khidmat Nasihat Teknikal (TAS) MPOB, sempena kehadiran semua Pengurus Serantau di ibu

pejabat pada mesyuarat Jawatan-kuasa Penasihat Program (PAC) kali ke-36.

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan perasmian berkata, sesi interaksi seumpama ini dapat memperkukuhkan lagi kefahaman semua peserta terhadap dinamik dan kehendak pasaran minyak sawit, serta pelbagai isu dan cabaran yang dihadapi dalam memasarkan minyak sawit Malaysia.

Sesi interaksi ini menarik perhatian peserta daripada pelbagai syarikat dan persatuan yang terbabit secara langsung dalam perdagangan produk sawit Malaysia.

Ambil kesempatan

Beliau turut menyarankan penggiat industri sawit tempatan agar mengambil kesempatan atas kehadiran pengurus serantau MPOB, untuk bertukar pendapat dan berbincang mengenai apa jua perkara permasalahan yang dihadapi

bagi kebaikan dan kemajuan perniagaan mereka.

“Kedatangan pihak industri sawit menunjukkan komitmen mereka dalam memajukan industri sawit negara di samping ingin mendapat maklumat yang lebih terperinci dan mendalam terhadap perkembangan pasaran dan isu-isu industri sawit yang timbul di negara-negara pasaran utama,” katanya.

Beliau berkata, program itu adalah platform terbaik yang dapat memberi peluang kepada pihak industri untuk mendapatkan maklumat secara terus daripada Pengurus Serantau MPOB yang berpangkalan di lokasi strategik pasaran sawit seluruh dunia.

“Saya berharap sesi interaksi ini dapat meningkatkan kefahaman peserta dalam perkembangan pasaran, kehendak pengguna dan isu teknikal yang sedang dihadapi industri sawit ketika ini di samping meningkatkan lagi penerimaan produk sawit Malaysia di serata dunia,” katanya.



Datuk Dr. Choo Yuen May berucap merasmikan sesi interaksi dengan pihak industri.

Melalui sesi itu, pengurus serantau MPOB menyampaikan informasi berkaitan perkembangan pasaran minyak sawit, isu serta cabaran di wilayah seliaan masing-masing. Program ini juga

adalah platform bagi penggiat industri untuk saling mengenali antara satu sama lain dan mewujudkan rangkaian kerjasama yang sihat dalam industri sawit negara.



Panel pembentang bersama Pengerusi forum. Dari kiri Dr Tristan Durand, Dr Xavier Arulandoo, Profesor Jan Stenlid, Dr Norman Kamarudin (Pengerusi), Profesor Matthew Dickinson dan Profesor Richard Dickinson.

Forum bincang ancaman penyakit Ganoderma

kan forum bagi memberi kefahaman mengenai penyakit sawit terutama patogen kulat Ganoderma, di sini baru-baru ini.

Forum dihadiri lebih 150 peserta terdiri daripada ahli akademik, penyelidik dan penggiat industri sawit dirasmikan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May.

Katanya, Malaysia yang menyumbang sebanyak 47 peratus keluaran minyak sawit dan lemak dunia dengan pengeluaran mencecah 20 juta tan pada tahun 2015 turut terdedah kepada pelbagai penyakit yang boleh merencat-

kan pengeluaran hasil sawit.

Katanya, antara penyakit menyebabkan kematian pokok sawit ialah Ganoderma.

Sebanyak lima kertas kerja dibentangkan oleh pembentang bertauliah dari dalam dan luar negara.

Pembentang pertama, Professor Richard Cooper dari University of Bath, United Kingdom membentangkan kertas kerja membincangkan mengenai tiga penyakit pokok sawit yang penting.

Pembentangan beliau menyentuh epidemiologi ketiga-tiga pe-

nyakit serta penyelidikan terkini. Beliau menekankan kepentingan kajian asas patogen penyakit iaitu Ganoderma boninense, Fusarium oxysporum dan Phytophthora palmivora.

Bincang secara mendalam

Kertas kerja mengenai penyakit Ganoderma dan impak ekonomi penyakit itu kepada pengeluaran ladang sawit turut dibentangkan oleh Dr Xavier Arulandoo dari United Plantation Bhd, Malaysia.

Beliau membincangkan secara mendalam perkara seperti kerugian tandan sawit, aktiviti pena-

naman semula (sanitasi) dan strategi pengurusan penyakit Ganoderma.

Dr Xavier berkata, salah satu langkah berkesan mengawal penyakit adalah dengan pengesanan awal penyakit. Pengesanan awal membolehkan pengurusan penyakit secara berkesan sebelum menjadi terlalu parah seterusnya menyebabkan kematian pokok.

Pembentang ketiga, Profesor Matthew Dickinson, Nottingham University, United Kingdom membentangkan mengenai alat pengesanan awal seperti ‘Loop-mediated isothermal amplification’ (LAMP) yang menghasilkan keputusan memberangsangkan dalam pengesanan patogen ‘phytoplasma’ yang menyebabkan pelbagai penyakit pada tanaman seperti lobak, anggur dan kelapa.

Teknologi ini sedang dibangun-

kan untuk pengesanan penyakit lain.

Pembentang keempat, Dr Tristan Durand dari Perancis pula menekankan kepentingan saringan baka sawit terhadap penyakit Ganoderma sebagai langkah jangka panjang.

Katanya, pendekatan saringan menggunakan baka sawit yang berbeza mampu menangani pengurusan penyakit yang paling berkesan.

Pembentang terakhir, Profesor Jan Stenlid dari Agriculture Sciences University, Sweden pula berkongsi pengalaman beliau dalam menangani penyakit reput akar Heterobasidion pada pokok conifer di negara tersebut.

Forum berkenaan Berjaya memberi pendedahan dan pendekatan baharu serta berbeza untuk menangani penyakit Ganoderma, yang juga penyakit utama pada pokok sawit di Malaysia.



22nd MPOB TRANSFER OF TECHNOLOGY SEMINAR & EXHIBITION 2016

2 JUNE 2016 | MPOB Head Office, Bangi, Selangor

Officiated by:
Minister of Plantation Industries and Commodities

MPOB launches new technologies and services for adoption and commercialization by the oil palm industry players, entrepreneurs and SMEs. Among the areas of innovation are:

- Plant Protection
- Breeding and Biotechnology
- Milling & Processing
- Farm Mechanisation
- Biomass Utilisation
- Oleochemical

SMEs are invited to apply for the grant under the Palm Oil NKEA (EPP8) for the production of palm-based food; value-added products; or expansion of existing plants. Large Malaysian companies interested to produce palm-based food and health products can apply for the grant under the EPP8 for commercialization project.

REGISTER NOW
www.mpob.gov.my

Salmah Hussin / Rubaah Masri

E : salma@mpob.gov.my /
rubaah@mpob.gov.my

T : 03 8769 4873 / 03 8769 4567

F : 03 8925 7549 / 03 8926 1743

Malaysian Palm Oil Board

Ministry of Plantation Industries and Commodities



Kumbang merah palma, perosak merbahaya kelapa dan kurma

» Serangga perosak jejas tanaman, punca pokok palma mati

Oleh Ramle Moslim
ramle@mpob.gov.my
Ketua Kumpulan Kajian Biopestisid Serangga, Bahagian Biologi, MPOB

Kumbang Merah Palma (RPW) adalah serangga perosak merbahaya bagi tanaman jenis palma terutama kurma di kebanyakan negara di dunia.

Spesies utama RPW adalah *Rhynchophorus ferrugineus* yang juga adalah perosak utama pokok kelapa di negara-negara selatan Asia dan Melanesia. Rebakan RPW amat cepat berlalu.

Selepas ia dilaporkan pada tahun 1980, serangan penyakit ini merebak hingga ke negara Arab pada tahun 1985, memasuki Asia Barat, kemudian menular ke negara-negara Mediterranean serta Eropah sehingga ke Turki pada tahun 2007.

Ia dilaporkan menyerang 26 jenis pokok palma di seluruh dunia. Negara Eropah dan Mediterranean mengklasifikasikan RPW sebagai spesies perosak kuarantin merbahaya.

Serangan RPW pada pokok kelapa dan kurma

Serangan teruk RPW di Malaysia yang disebabkan spesies *R. ferrugineus* hanya tertumpu pada pokok kelapa dan kurma. Serangan serangga ini hanya disedari pada tahun 2007, apabila pokok kelapa jenis rendah yang ditanam di Stesen Jabatan Pertanian Rhu Tapai, Setiu di Terengganu banyak mengalami kerosakan.

Hasil pemeriksaan mendapati ia adalah akibat serangan RPW.

Selepas itu, serangan RPW didapati merebak ke daerah di Terengganu sehingga ke sempadan negeri Kelantan dan Pahang.

Pada tahun 2011, kaji selidik oleh Universiti Malaysia Terengganu (UMT) bersama Jabatan Pertanian melaporkan terdapat sekitar 858 hektar kawasan kelapa diserang RPW, memabatkan kerosakan lebih 550,000 pokok kelapa.

Sehingga tahun 2015, serangan RPW semakin membimbangkan kerana ia merebak ke lima negeri seperti Perlis, Kedah, Kelantan, Pulau Pinang dan Terengganu.

Selain kelapa, sebanyak 335 pokok kurma juga dilaporkan musnah akibat serangan RPW. Kemasukan RPW ke Malaysia dipercayai akibat aktiviti penyeludupan membawa masuk pokok kelapa pandan dan kurma yang mengandungi RPW secara tidak sah untuk tujuan tanaman hiasan.



Pemeriksaan kerosakan tanjak pokok kelapa akibat serangan RPW.



Peringkat lava dan kepompong RPW



Kumbang merah palma (RPW) dewasa.

Kehadiran RPW di kawasan sawit

Kehadiran RPW di kawasan tanaman sawit di Malaysia telah lama direkodkan iaitu seawal pengenalan penanaman pokok sawit di Malaysia sekitar tahun 1924 - 1925.

Bagaimanapun, spesies kumbang yang menghuni kawasan sawit adalah berbeza. Ia dikenali sebagai Kumbang Jalur Merah Palma (RSPW) dengan panggilan saintifik *R. vulneratus*.

Spesies ini lebih besar berbanding RPW dan ia memiliki jalur merah membujur di bahagian kepala. Serangan RSPW pada pokok sawit sehingga kini adalah amat jarang dilaporkan.

Kumbang RSPW adalah perosak sekunder sawit di mana serangan biasanya akan berlaku selepas serangan perosak utama sawit iaitu kumbang badak. Kaji selidik oleh Jabatan Pertanian menunjukkan, spesies RSPW ini boleh didapati di ladang sawit di seluruh Malaysia.

Kajian oleh UMT di beberapa ladang FELDA di Setiu Terengganu menunjukkan walaupun RPW dan RSPW boleh diperoleh di ladang sawit tetapi tiada tanda kerosakan dilihat pada pokok sawit.

Tanda serangan RPW pada pokok kelapa

Kehadiran RPW spesies *R. ferrugineus* di beberapa ladang FELDA dan FELCRA adalah akibat serangan kumbang berwarna coklat gelap, mengandungi cairan melekit serta berbau busuk.

dan taman-taman rekreasi umum sahaja.

Umumnya dewasa RPW tertarik untuk menyerang pokok kelapa yang kurang sihat, mempunyai bahagian terluka atau pokok yang akan mati.

Penelitian di beberapa kawasan serangan di Terengganu oleh penyelidik UMT menunjukkan tiga cara bagaimana RPW menyerang pokok kelapa.

⊕ Pertama, melalui serangan pucuk lalu terus menuju ke bahagian tisu umbut.

⊕ Kedua, melalui lubang yang dibuat oleh kumbang badak pada batang pokok.

⊕ Ketiga, melalui sistem akar, di mana RPW dewasa membuat lubang di dalam tanah dan terus mengorek akar pokok ke bahagian batang.

Tanda serangan peringkat awal RPW pada pokok kelapa sukar dapat dilihat dengan jelas. Ini kerana serangga ini berada di dalam tisu di bahagian tanjak pokok kelapa.

Serangan akan menyebabkan daun di bahagian pucuk bertukar kuning, kemudian ia kering dan seterusnya reput dan rosak.

Pada tahap serangan teruk, keseluruhan bahagian pucuk musnah meninggalkan hanya pelahap tua di bahagian bawah. Pada ketika ini, pokok akan kelihatan seperti sebatang payung terbuka.

Pada bahagian ini akan terdapat banyak larva pelbagai peringkat diikuti pupa dan juga dewasa. Peringkat pupa banyak ditemui di bahagian pelepah dan batang. Keseluruhan bahagian tanjak pokok kelapa akan rosak dan meninggalkan batang.

Biologi dan kitar hidup RPW

Kumbang dewasa berukuran sekitar 25 mm panjang dan 11 mm lebar. Ia sering ditemui berwarna coklat kemerahan, tetapi boleh juga berwarna oren kehitaman.

Terdapat pelbagai corak dengan bilangan tompok hitam yang berbeza merata di bahagian atas kepala. Terdapat juga jalur-jalur merah memanjang yang jelas di kedua-dua bahagian kepak.

Ukuran kumbang jantan agak lebih besar berbanding betina dengan saiz muncung di antara 11-15 mm.

Purata jangka hayat betina adalah 95 hari, tetapi ia boleh mencapai sehingga 120 hari. Secara purata seekor betina boleh bertelur sekitar 225 biji hingga 278 biji sepanjang hayatnya.

Proses bertelur boleh berlaku seawal 10 hari selepas betina dewasa terbentuk. Meskipun umumnya kumbang ini aktif terbang pada siang hari, tetapi betina boleh bertelur pada malam atau siang.

Betina meletakkan telur di celah-celah pelepah di bahagian tanjak pokok. Telur berukuran sekitar 3 mm panjang, berwarna putih kekuningan dengan cengkerang mempunyai kulit yang ha-

lus, berbentuk bujur panjang serta membulat di kedua-dua hujung sisi.

Ia menetas sekitar 2-5 hari dan membentuk peringkat larva yang tidak berkaki. Larva berwarna putih kekuningan dengan lapisan kulit luaran berkedut serta mempunyai kepala yang keras.

Larva adalah peringkat penyebab kerosakan pada pokok. Ia bergerak secara gerakan otot dengan memakan tisu lembut menuju ke bahagian umbut yang kemudian merosakkan keseluruhan bahagian tanjak pokok. Ia mempunyai sifat makan yang agresif dan banyak, dan ia boleh membesar sehingga 50mm. Terdapat sembilan peringkat larva dengan purata jangka hayat selama 44 hari.

Pembentukan peringkat prepupa adalah singkat iaitu sekitar 3 hari. Setelah itu ia bertukar menjadi pupa yang terbentuk di dalam kepompong diperbuat daripada cebisan tisu fiber.

Kepompong berukuran di antara 40-73 mm panjang. Selepas sekitar 14 - 21 hari maka pupa akan membentuk peringkat dewasa.

Secara umumnya pemerhatian di Malaysia, mendapati masa perkembangan kumbang merah palma dari peringkat telur sehingga dewasa adalah sekitar 71 hari. Kajian di Mesir mendapati jangka hayat RPW adalah di antara 100 hari ke 128 hari.

Langkah kawalan RPW

Bagi mengekang rebakan dan serangan RPW di Malaysia, serangan perosak ini diwartakan sebagai perosak merbahaya di bawah Akta Kuarantin Tumbuhan 1976 pada tahun 2011. Berikutan itu, dokumen Prosedur Operasi Standard (SOP) dikeluarkan oleh Jabatan Pertanian sebagai panduan bagi mereka yang terbabit melaksanakan langkah kawalan berkesan.

Maklumat status terkini serangan RPW di Malaysia juga tersebar luas bagi meningkatkan kesedaran kepentingan serangan RPW melalui mesyuarat yang dipengerusikan Jabatan Pertanian dan dihadiri pelbagai agensi berkaitan.

Pada masa ini langkah kawalan berkesan adalah melalui pemasangan perangkap feromon dicampur potongan tepu, keratan nanas atau umbut kelapa.

Menggunakan kaedah ini pada kadar satu perangkap bagi setiap hektar berupaya mengurangkan populasi RPW di kawasan serangan.

Bagi membunuh keseluruhan peringkat hidup RPW pada pokok yang masih sihat dan rendah, penggunaan racun kimia seperti 'cypermentrin' secara semburan dan siraman di bahagian tanjak boleh dipraktikkan.

Untuk pokok yang tinggi, racun kimia seperti 'imidacloprid' boleh digunakan secara siraman di pangkal pokok. Suntikan batang racun 'monocrotophos' atau 'methamidophos' juga boleh digunakan.

Amalan penghapusan pokok melalui kaedah menebang pokok yang dikenal pasti oleh diserang RPW pemeriksa bertauliah boleh dilaksanakan terutama di kawasan yang masih belum berlaku serangan teruk.

Pokok yang ditebang ini boleh dibakar tetapi selepas mendapat kebenaran Jabatan Alam Sekitar.

Kaedah kawalan yang lebih mesra alam juga sedang dikaji pelbagai pihak terutama oleh penyelidik di dua universiti tempatan iaitu UMT dan Universiti Kebangsaan Malaysia.

MPOB anjur seminar bincang isu pekerja asing

» Wakil bentang lima kertas kerja dihadiri lebih 140 peserta

Oleh Nur Nadia Kamil
nadiakamil@mpob.gov.my

► Sandakan

Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menganjurkan Seminar Guna Tenaga di Sektor Perladangan Sawit bagi memberi kesedaran dan penekanan kepada pengusaha ladang sawit serta membincangkan isu-isu berkaitan penggajian pekerja asing.

Seminar membariskan wakil dari Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi (MPIC), Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Imigresen Malaysia dan MPOB yang membentangkan lima kertas kerja dihadiri le-



Balu Nambiappan ketika menperkerusi sesi soal jawab seminar.

bih 140 peserta.

“Sektor perladangan adalah sektor yang sangat berintensifkan tenaga kerja. Berdasarkan statistik MPOB, sehingga Disember 2015, terdapat seramai 437,495 pekerja di sektor perladangan sawit Malaysia,” kata Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May dalam ucapan perasmian seminar itu yang dibacakan Pengarah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri MPOB, Balu Nambiappan.

Katanya, jumlah ini tidak termasuk sektor pekebun kecil sawit persendirian.

Guna tenaga sektor perladangan sawit

“Guna tenaga di sektor perladangan sawit sahaja mewakili hampir 70% jumlah guna tenaga di semua sektor sawit merangkumi sektor hulu dan hiliran yang dianggarkan berjumlah melebihi 620,000 orang.

“Walaupun sektor ini menye-

diakan peluang pekerjaan yang luas, namun kekurangan minat pekerja tempatan untuk mengisi kekosongan ini telah menyebabkan syarikat-syarikat perladangan terpaksa menggaji pekerja asing.

Katanya, pada masa ini hampir 80 peratus pekerja di sektor perladangan didominasi oleh pekerja asing, terutamanya dari Indonesia.

“Kebergantungan yang tinggi terhadap pekerja asing ini mem-

bawa risiko kepada industri sawit dan secara tidak langsung telah menyumbang kepada peningkatan masalah sosial,” katanya.

Beliau berkata, ketika ini Kerajaan tidak mempunyai pilihan selain terpaksa membenarkan pengambilan pekerja asing untuk bekerja di sektor perladangan sawit.

Bagaimanapun, penggajian pekerja asing ini hendaklah dilakukan mengikut saluran betul seperti digariskan oleh pihak kerajaan.

“Selain masalah kekurangan tenaga kerja mahir, sektor perladangan sawit juga dikhabarkan terbabat dalam masalah buruh paksa. Pada tahun 2009, Jabatan Buruh Amerika Syarikat (USDOL) menyenaraikan Malaysia sebagai sebuah negara yang mengeluarkan produk minyak sawit dan tekstil menggunakan buruh paksa.

“Pada 1 Disember 2014, USDOL sekali lagi menyenaraikan 136 produk dikeluarkan 74 negara sebagai menggunaan buruh paksa dan Malaysia masih termasuk dalam senarai itu. Lebih teruk lagi, sektor perladangan sawit negara juga dikatakan menggunakan buruh kanak-kanak,” katanya.

Beliau berkata, MPIC mengambil tindakan menjalankan kajian berkenaan situasi tenaga kerja di ladang sawit di beberapa negeri termasuk Sabah dan Sarawak bagi memperbetulkan tanggapan salah ini.

Isteri Pengerusi MPOB sertai delegasi isteri ahli PAC MPOB

Oleh Yusnita Sodimin
yusnita@mpob.gov.my

Bangi: Isteri Pengerusi Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB), Datin Mastura Dato' Mohd Yazid meluangkan masa menyertai lawatan delegasi isteri Ahli Penasihat Program (PAC) MPOB yang diadakan sempena Mesyuarat PAC ke 36 pada tahun ini.

Program tahunan itu, kali ini tertumpu di sekitar negeri Selangor dan Lembah Klang.

Program pada hari pertama adalah merangkumi lawatan ke Perkampungan Budaya Mah Meri di Pulau Carey, yang merupakan perkampungan asli di negeri Selangor.

Di perkampungan budaya ini, peserta diperkenalkan dengan adat, budaya dan cara hidup kaum Mah Meri iaitu antara penduduk asal pribumi Semenanjung Malaysia. Mereka dipercayai berasal dari Kota Linggi Johor lama.

Peserta berpeluang menyertai upacara adat perkahwinan masyarakat Mah Meri yang disertai tarian Jo Oh yang juga tarian spiritual warisan nenek moyang mereka. Selain itu, peserta di-



Datin Mastura Mohd Yazid bersama isteri ahli PAC mendengar penerangan semasa lawatan di Royal Selangor.

bawa melihat proses pembuatan kraf tangan dan origami menggunakan daun kelapa.

Seterusnya peserta dibawa ke Muzium Sime Darby yang terletak tidak jauh dari perkampungan Mah Meri. Muzium ini menempatkan pelbagai maklumat berkaitan aktiviti perladangan pada zaman penjajah dahulu kala.

Kunjungan ke Hatters Castle atau Istana Hatters mengakhiri lawatan di Pulau Carey pada petang itu. Istana ini dibina pada tahun 1920 dan kini ia menjadi rumah rehat bagi pengurus ladang dan pegawai kanan syarikat Sime Darby.

Hari kedua, peserta dibawa meneroka ilmu sains ke Petrosains di

KLCC. Pelbagai aktiviti menarik disediakan dan peserta berpeluang mengikuti aktiviti dijalankan antaranya menaiki mesin merentas masa meneroka maklumat dari zaman peralihan teknologi sehingga teknologi terkini.

Lawatan seterusnya ke ICT Shah Alam, satu lagi tempat lawatan menarik di Shah Alam. Dengan jolokan Bandar lampu dalam taman, peserta berpeluang bergambar bersama selebriti dan ikon yang diperbuat daripada lilin di Muzium Patung Lilin (Wax Museum). Peserta kemudiannya dibawa mengunjungi Trick Art Museum dan 6D Studio bagi merasai suasana kecanggihan teknologi 6D sebenar.

4 faktor pengaruhi industri sawit

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

Bangi: Terdapat empat faktor penting yang mampu mempengaruhi industri sawit pada masa kini namun kesan dan pengaruhnya boleh dikawal.

Ketua Pegawai Eksekutif Majlis Minyak Sawit Malaysia (MPOC), Tan Sri Dr Yusof Basiron, berkata faktor itu adalah kadar harga minyak mentah, kesan El Nino, penubuhan Majlis Negara Pengeluar Minyak Sawit (CPOPC) dan persaingan perang harga antara pengeluar minyak masak.

“Cabaran dan peluang industri sawit boleh dilihat daripada perspektif faktor-ini dan industri berpotensi mengawal kesannya,” katanya di Seminar Jawatankuasa Penasihat Program MPOB 2016 yang diadakan di ibu pejabat MPOB, di sini baru-baru ini.

Beliau berkata, secara amnya, industri sawit perlu membangunkan peluang baharu dengan mengatasi cabaran itu melalui aktiviti penyelidikan dan pembangunan (R&D) dan disokong oleh pembiayaan pengkomersialan untuk teknologi dihasilkan.

Mengenai harga minyak mentah, beliau berkata, harga minyak

sayuran turut tertekan berikutan situasi harga petroleum rendah.

Fenomena itu juga mengurangkan permintaan pengadunan untuk biodiesel dan ini secara langsung meningkatkan pengeluaran minyak sayuran untuk industri pemakanan. Keadaan ini memberi impak negatif untuk harga minyak sawit.

Namun begitu pengadunan biodiesel secara mandatori di Malaysia untuk adunan 7% diesel sawit dan 93% diesel petroleum (B7) manakala Indonesia dengan adunan B15 mampu memulihkan harga minyak sawit.

“CPOPC boleh membantu menyalurkan mandat pengadunan biodiesel di Indonesia dan Malaysia dengan tujuan untuk mengawal pengeluaran minyak sawit di kedua negara,” katanya.

Pada tahun 2015, sebanyak 350,000 tan biodiesel digunakan di Malaysia di bawah Program B7. Malaysia juga mengekspor sebanyak 178,942 tan biodiesel pada tahun 2015 dengan nilai sebanyak RM483.57 juta.

Mengenai impak El-Nino, Tan Sri Dr Yusof berkata, perubahan cuaca seperti musim panas dan kemarau berpanjangan akan memberi kesan kepada sawit kerana tanaman ini bergantung kepada hujan sebagai sumber air.

Program Sejiwa Senada terima 1.5 juta pengunjung

» Program 10 lokasi di Sarawak catat hasil jualan RM6.8j

Oleh Fadzil Ghazali
afadzilg@mpob.gov.my

► Matang

Program Sejiwa Senada 2016 yang bermula 8 Januari lalu dan berakhir pada 24 April 2016 berjaya mencatatkan seramai 1.5 juta pengunjung serta RM6.8 juta hasil jualan sepanjang program itu diadakan di 10 lokasi di Sarawak.

Lokasi terakhir program pemimpin bersama rakyat itu adalah di Matang, Kuching dan lebih 50,000 pengunjung membanjiri kawasan pameran di mana Grand Finale Program Sejiwa Senada 2016 itu diadakan. Penyertaan pelbagai agensi kerajaan seperti Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) dan Lembaga Koko Malaysia (LKM) turut memeriahkan majlis dan memberi peluang kepada agensi untuk memberi pe-



Pengunjung program Sejiwa Senada mendengar penerangan berkaitan skim bantuan ketika melawat pameran MPOB.

nerangan mengenai peranan dan perkhidmatan masing-masing kepada pengunjung.

Majlis perasmian Grand Finale Sejiwa Senada 2016 disempurnakan oleh Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Si Adenan Satem serta isteri Datin Patinggi Datuk Jamilah Anu dan dihadiri Timbalan Ketua Menteri Datuk Patinggi Tan Sri Alfred Jabu Numpang.

Program Sejiwa Senada diadakan di sembilan lokasi se-

belum ini termasuk Miri, Sibul, Sarikei, Saratok, Kapit, Mukah, Limbang, Sri Aman dan Kota Samarahan.

Jana RM6.8j

Menteri Pelancongan Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Tun Abang Openg, berkata program Sejiwa Senada itu berjaya menjana RM6.8 juta pendapatan kepada pengusaha perusahaan kecil dan sederhana.

“Pada hari ini di sini, ia ada-

lah lokasi terakhir atau ke-10 dan kita mencatatkan jumlah pengunjung keseluruhan daripada 10 lokasi terbabit adalah 1.5 juta orang yang datang,” tambah beliau.

Dalam ucapan perasmian-nya, Ketua Menteri Sarawak Datuk Patinggi Tan Si Adenan Satem turut mengisytiharkan tarikh 22 Julai sebagai Hari Sarawak sempena hari kemerdekaan Sarawak daripada penjajahan British.

Delegasi USTR berminat kongsi maklumat alam sekitar

Oleh Siti Nurhajar Mariam Wan Jaafar
nurhajar@mpob.gov.my

Bangi: Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB) menerima kunjungan delegasi US Trade Representative (USTR), di sini baru-baru ini.

Lawatan yang diatur pihak Kedutaan Amerika Syarikat di Malaysia adalah sempena lawatan kerja ke Malaysia bertujuan mengadakan perbincangan dengan pihak berkepentingan dalam industri berkaitan Perjanjian Perkongsian Trans-Pasifik (TPP).

Lawatan itu disertai Emily Dougherty, Pengarah Bahagian Alam Sekitar dan Sumber Semulajadi; Tiffany Prather daripada Pejabat Kualiti Alam Sekitar dan Isu Luar Negara, dan Pegawai Bahagian Alam Sekitar, Sains, Teknologi dan Kesihatan Pejabat Kedutaan Amerika Syarikat, Kuala Lumpur.

Lawatan ke MPOB bertujuan berkongsi maklumat berkaitan isu alam sekitar yang terdapat dalam TPP termasuk sistem perladangan yang diamalkan, penjagaan dan pemuliharaan alam sekitar, serta aspek sosioekonomi penduduk tempatan.

Kemampuan industri sawit

Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May melalui teks ucapan yang dibaca Pengarah Bahagian Ekonomi dan Pembangunan Industri, Balu Nambiappan, meluahkan ucapan terima kasih kepada delegasi berkenaan yang sudi berkunjung ke MPOB bagi mendapat pencerahan positif mengenai kemampuan industri sawit.

Beliau turut berharap pertemuan sumpama ini mampu memberi pendedahan khusus mengenai pembangunan industri sawit di Malaysia di samping memperkenalkan peranan yang digalas MPOB dalam memartabat industri bagi kesejahteraan ekonomi negara menerusi bidang penyelidikan dijalankan.

Perbincangan yang diadakan sempena lawatan menyentuh isu kemampuan industri sawit yang tertumpu kepada pelaksanaan MSPO (Malaysian Sustainable Palm Oil).

MPOB diberi mandat oleh kerajaan bagi memperkenalkan sistem pensijilan sendiri yang lebih mesra kepada pengusaha dan pekebun sawit yang selama ini terikat dengan standard yang bersifat tidak menyeluruh dan sukar dicapai. MSPO menjanjikan sistem yang telus bagi manfaat pengeluaran, pekebun, peniaga, pengguna, dan orang awam.

Dari aspek persijilan dalam pengeluaran minyak sawit mampan, pada hari ini Malaysia menghasilkan minyak sawit menepati syarat digariskan melebihi daripada jumlah permintaan di negara Eropah.

Pada Januari tahun ini, 1.26 juta hektar kawasan perladangan sawit di Malaysia mendapat pensijilan RSPO dan mengeluarkan 4.77 juta tan minyak sawit mampan dengan 1 juta tan daripadanya dieksport ke Eropah.

Dr Choo Yuen May berkata, prinsip dan kriteria digariskan MSPO bertujuan mengatasi kekangan dalam sistem sedia ada selain mengambil kira aspek perladangan dan pemprosesan berbeza mengikut negara.

‘Di mana ada kemahuan, di situ ada jalan’

Oleh Niat Mudin, Anderson Melang dan Mohamad Arfan Johari
bhnews@bharian.com.my

Peter Ak Maleng, 29 adalah seorang anak muda yang berwawasan dan berpandangan jauh. Beliau mula menceburi bidang penanaman sawit pada usia 23 tahun.

Berpendidikan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), dengan berbekalkan semangat dan usaha gigih beliau mampu berjaya seperti anak muda lain yang berpendidikan tinggi.

Peter mula bergiat dalam bidang penanaman sawit setelah mengetahui hasil pulangan lumayan seperti yang diraih oleh pengusaha di sekitar tempat tinggalnya.

Beliau semakin berminat dan bertekad untuk menceburi bidang penanaman sawit setelah membantu menguruskan kebun sawit milik bapa

mentua di Lundu, Sarawak dan melihat sendiri hasil diperolehi.

Pada tahun 2010, beliau membeli 300 biji benih cambah dari Payong Trading, Sungai Paoh, Sarikei dan disemai di tapak semaian persendirian. Beliau mendapat tunjuk ajar serta sokongan dan bimbingan isteri serta kakitangan Jabatan Pertanian Betong mengenai pengurusan semaian sawit.

Penanaman anak benih

Bermula dengan penanaman anak benih sawit berjumlah 250 pokok yang dikenal pasti sebagai normal dan sihat melalui proses penaknaan, beliau turut membeli anak benih sawit daripada tapak semaian yang memiliki lesen MPOB di sekitar Betong bagi menambahkan keluasan kebun dan menjadikan keluasan keseluruhan kini adalah 6.5 hektar.

Beliau menanam sawit menggunakan sistem tanaman segi tiga sama dengan jarak 8.6 X 8.6



Peter Maleng di kebun sawitnya.

X 8.6 meter. Daripada keluasan kebun 6.5 hektar kebun beliau mampu menghasilkan 15 - 17 tan BTS sebulan iaitu sekitar 2.3-2.6 tan/hektar/bulan.

Aktiviti penuaian dilakukan 2 kali pusingan sebulan menjadikan purata hasil sawit beliau pada tahun 2015 lebih kurang 30 tan/hektar/tahun. Dengan menggunakan khidmat 2

orang pekerja tempatan, beliau melakukan kerja pemangkasan pelepah semasa penuaian BTS dilakukan.

Bagi kerja pembajaan, beliau menggunakan sukatan dengan kadar 8 kg/pokok/tahun dengan 4 kali pusingan setahun. Jenis baja yang digunakan adalah MPOB F1 dan juga Sebatian 44.

Institut Kesihatan Itali sahkan minyak sawit selamat

» *Tiada sebarang makanan, ramuan diklasifikasi toksid*



Pada 25 Februari 2016, Istituto Superiore di Sanità (ISS) atau Italian Superior Health Institute menerbitkan satu laporan penting mengenai penilaian kesan minyak sawit sebagai ramuan makanan kepada

da kesihatan. Dalam laporan itu, ISS menegaskan tiada sebarang jenis makanan atau ramuan makanan yang boleh diklasifikasikan sebagai toksik, dan sebarang kesan negatif kepada kesihatan perlu-

lah dikaji bersandarkan kepada kadar pengambilan.

ISS juga berkata, penilaian kesan sebarang jenis makanan atau ramuan makanan kepada kesihatan mesti mengambil kira analisis keseluruhan diet dan gaya hidup individu terabit.

Dalam bahasa yang mudah, ISS mengesahkan bahawa minyak sawit bukan kurang berkhasiat berbanding mentega atau minyak sayuran dan lemak lain dan secara amnya, ia tidak memberi sebarang risiko kesihatan kecuali apabila dikaitkan dengan penggunaan ketara semua jenis asid

lemak tepu.

Laporan ISS

Laporan ISS juga menyetujui beberapa fakta penting:

Pertama, ISS mengakui bahawa ramuan yang digunakan secara meluas dalam industri makanan ialah minyak sawit yang juga sumber semulajadi asid lemak tepu, Vitamin E tokotrienol dan mikro komponen penting seperti karotenoid dan fitosterols.

Kedua, ISS menyimpulkan bahawa penemuan saintifik terdahulu tidak pernah melaporkan kewujudan unsur tertentu dalam minyak sawit yang memudaratkan kesihatan.

Ketiga, ISS menganggarkan minyak sawit hanya menyumbang kira-kira 2.5g - 4.7g daripada pengambilan keseluruhan harian asid lemak tepu dalam diet di Itali berbanding pengambilan purata kira-kira 27g sehari yang diperolehi dari semua sumber pamakanan.

Anggaran ISS juga menunjukkan pengambilan harian asid lemak tepu dalam kalangan kanak-kanak berumur 3 - 10 tahun adalah sekitar 24g - 27g setiap hari, dengan minyak sawit menyumbang kira-kira 4.4g - 7.7g asid lemak tepu.

ISS juga mengesahkan bahawa pengambilan asid lemak tepu juga berlaku melalui pengambilan pelbagai makanan berbeza yang secara semulajadinya mengandungi asid lemak ini seperti susu, produk tenusu, telur dan daging.

ISS menyatakan, secara keseluruhannya, pertumbuhan pakar kesihatan nasional dan antarabangsa mengesyorkan supaya pengambilan asid lemak tepu tidak melebihi 10% daripada jumlah harian kalori.

Tak ancam kesihatan

Dalam konteks ini serta pada kadar penggunaan semasa, minyak sawit dalam diet di Itali dianggap sebagai tidak mengancam kesihatan.

Keempat, ISS menyimpulkan bahawa tiada bukti kukuh dari sudut saintifik yang menunjukkan minyak sawit sebagai sumber asid lemak tepu memberi kesan yang berbeza terhadap risiko penyakit kardiovaskular berbanding lemak lain yang mengandungi peratusan komposisi asid lemak tepu dan asid lemak tak tepu (mono/poli) yang sama, sebagai contoh, mentega.

Kesan yang sedikit berbeza daripada lemak sayuran lain seperti minyak bunga matahari dalam mengubah suai paras lipid dalam plasma darah adalah berpunca daripada pengambilan asid lemak tepu yang lebih rendah dan, pada masa yang sama, pengam-

bilan asid lemak tak tepu yang lebih tinggi.

Pengambilan minyak sawit juga tiada kaitan dengan faktor risiko yang lebih tinggi untuk penyakit kardiovaskular dalam kalangan individu yang mempunyai paras kolesterol dalam darah dan berat badan yang normal serta orang muda yang mengambil asid lemak poli tidak tepu dengan jumlah yang sesuai secara serentak dengan minyak sawit.

Pada masa sama, kanak-kanak dan orang tua yang mempunyai masalah 'dyslipidemia', obesiti dan sejarah kardiovaskular sebelumnya serta tekanan darah tinggi mempunyai risiko yang lebih tinggi berbanding warga umum.

Asid lemak tepu

Atas sebab ini, dalam konteks diet yang pelbagai dan seimbang termasuk makanan yang secara semulajadi mengandungi asid lemak tepu (seperti daging, tenusu dan telur), ISS menekankan adalah penting untuk menghadkan pengambilan makanan yang mengandungi kandungan tinggi asid lemak tepu.

ISS juga mengakui asid lemak tepu mempunyai pelbagai fungsi penting kepada fisiologi tubuh. Ini termasuk sebagai komponen membran sel, bahan binaan asas hormon dan asid lemak kompleks poli tak tepu (long-chained PUFA), mengawal pertumbuhan dan komunikasi di antara sel - sel serta mengawal peranan gen (gene expression).

Di samping itu, asid lemak tepu juga berperanan sebagai sumber tenaga yang berkesan - satu gram asid lemak tepu memberi 9 kilo kalori tenaga.

Keperluan asid lemak tepu di kalangan individu adalah berbeza mengikut usia dan ia lebih tinggi pada tahun awal kehidupan ketika proses metabolisme yang memerlukan kelas nutrien ini menjadi sangat aktif.

ISS menegaskan asid lemak tepu menyumbang kira-kira 40% daripada jumlah keseluruhan asid lemak dalam susu ibu di mana asid palmitik (C16:0) adalah komponen asid lemak tepu yang terbesar (50%).

Untuk pengetahuan umum, asid palmitik juga adalah asid lemak tepu utama dalam minyak sawit.

Tidak memudaratkan

Kesimpulannya, laporan dikeluarkan oleh ISS sudah mengesahkan bahawa penggunaan minyak sawit dalam makanan, secara khususnya, tidak memudaratkan kesihatan.

Dengan kata lain, minyak sawit bukan punca utama masalah kesihatan yang berkaitan dengan asid lemak tepu.

(Artikel ini disunting dan diterjemah dari artikel asal bertajuk, "Clean Bill of Health, at Current Italian Levels of Palm Oil Consumption": A Balanced Report from the Italian Superior Health Institute. Layari laman sesawang; www.thepalmoiltoday.net untuk salinan asal artikel ini)



Photo : Yong Lin Tan

Photo : Muhd Fuad



WORLD PALM PORTRAITS PHOTOGRAPHY COMPETITION 2016 KEMBALI LAGI!

World Palm Portraits Photography Competition adalah sebuah pertandingan fotografi antarabangsa anjuran Malaysian Palm Oil Council (MPOC). Kami mengalu-alukan penyertaan dari jurugambar amatir dan profesional.

Pertandingan ini akan berlangsung dari 15 Februari hingga 30 Jun 2016

Layari www.palmoiltv.org hari ini untuk info lanjut.



Photo : Fasihah Md Yusof



Photo : Suhailah Haniffah

Tahun ini, lima kategori dipertandingkan :

PEOPLE & PORTRAITS	BLACK & WHITE
NATURE & WILDLIFE	FINE ART & PHOTO MANIPULATION
FOOD & PRODUCTS	

Juga sertai kami di media sosial



Minyak sawit mempunyai pelbagai khasiat pemakanan yang perlu diketengahkan

Mitos mengenai keburukan amalan pemakanan minyak sawit berma-harajalela di laman sosial. Dakyah ini perlu diperbetulkan dan rakyat Malaysia harus tahu benar fakta salah mengenai minyak sawit.

Sungguh komposisi minyak sawit mengandungi 40-45% lemak tepu (asid palmitik), 39-40% asid lemak (asid oleik) dan 10-11% asid lemak (asid linoleik).

Komposisi tiga asid lemak tersebut, apabila digabungkan mempunyai kesan seperti lemak mono tak tepu.

Kandungan oleik di dalam minyak sawit terbukti mampu mengekalkan paras kolestrol, hindari penyakit jantung. Minyak sawit bersifat separa tepu ini mempunyai lemak tepu yang tinggi berbanding minyak sayuran yang lain. Sifat ini memberikan banyak kelebihan dalam formula makanan.

American Heart Association (AHA) amat dikenali sebagai satu badan yang berpengaruh ke atas polisi kesihatan jantung di Amerika. AHA amat peka terhadap insiden penyakit jantung yang meningkat di Negara itu dan mengesyorkan pengambilan minyak sawit dalam pemakanan.

Minyak sawit digunakan sebagai sebahagian dari pemakanan rendah lemak (30%) tenaga membuktikan ia berkesan dalam menyekat paras kolestrol dalam darah.

Satu kajian dijalankan menunjukkan minyak sawit ialah 10% minyak sayuran dan membantu meningkatkan paras kolestrol 'baik' HDL dalam darah serta berupaya mengurangkan risiko penyakit jantung. Tanpa diragui, minyak sawit bebas kolestrol.

Kandungan vitamin E – tokotrienol tinggi yang terdapat secara semula jadi di



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 1 - PELAJAR SEKOLAH MENENGAH

Syafiah Asiliah Salleh
(No. K/P: 010611-14-1064)
SMK Rawang, Rawang, Selangor

dalam minyak sawit amat baik kepada kesihatan. Penggemar barangan kecantikan pasti mengetahui daya terma saintifik vitamin E – tokotrienol, kerana ianya bukan sahaja memberikan kelebihan dari sudut kulit yang lebih sihat malah ianya juga melambatkan proses penuaan.

Kandungan Karatenoid Pro – Vitamin A dikatakan membantu dalam pencegahan dan pengurangan kanser dan strok. Nisbah antara kandungan Pro – Vitamin A di dalam minyak sawit merah dengan karatenoid yang terkandung di dalam minyak sawit ialah 1: 300.

Kandungan karatenoid lebih kecil jika dibandingkan dengan lobak merah iaitu, 1: 15. Ternyata sebiji minyak sawit mempunyai kandungan karatenoid yang banyak jika dibandingkan dengan tomato dan lobak merah.

Satu lagi kebanggaan minyak sawit, ia boleh menangani masalah kekurangan vitamin A demi kesihatan pancaindera. Kebaikan penggunaan minyak sawit di dalam pengeluaran makanan ialah ia tidak perlu melalui proses penghidrogenan.

Penghidrogenan adalah salah satu proses kimia yang menghasilkan lemak trans yang berbahaya kepada kesihatan. The Food and Drug Association (FDA) Amerika Syarikat telah mengumumkan bahawa lemak trans diharamkan di dalam makanan pada bulan Jun 2015 yang lalu.

Lemak trans merupakan punca kepada peningkatan risiko penyakit jantung koronari, deposit plak di dalam arteri dan merupakan punca utama serangan jantung. Minyak sawit 100% bebas daripada proses penghidrogenan.

Minyak sawit sesuai digunakan di dalam pelbagai aplikasi produk makanan. Ia boleh dijadikan bahan asas waktu minyak masak, minyak sapi sayuran dan lemak makanan.

Hasil tinjauan daripada responden, ternyata majoriti setuju minyak sawit adalah stabil dan tidak mudah teroksidasi seperti minyak poli tidak tepu, minyak kacang soya, minyak jagung dan minyak matahari. Kesannya, minyak sawit tidak mempengaruhi rasa semula jadi masakan.

Minyak sawit mempunyai jangka hayat yang lebih panjang kerana faktor ia mampu bertahan sehingga 235 darjah selsius. Hal ini amat diminati oleh golongan ibu yang berpandangan bahawa ianya lebih sesuai digunakan untuk memasak dan mengoreng.

Sudah terang lagi bersuluh, kepelbagaian khasiat minyak sawit dalam pemakanan sudah tidak dapat disangkal lagi. Golongan yang kurang jelas dan salah faham mengenai minyak sawit mungkin sudah dapat dijernihkan dengan sedikit sebanyak info kesihatan ini.

Forum, dialog kerajaan dengan industri bantu kesejahteraan industri sawit

Saban hari, minggu dan bulan, MPOB sebagai wakil kerajaan berkaitan industri sawit, tidak lekang dengan sesi forum, dialog dan interaksi. Siri-siri program ini disertai oleh penggiat industri sawit samada individu, syarikat, persatuan, pertubuhan, pengurus mahupun agensi kerajaan yang terbabit secara langsung dengan perdagangan produk sawit dalam negara dan antarabangsa.

Amat tidak asing bagi pendokong utama industri seperti Persatuan Pemilik Ladang Malaysia (MEDA), Persatuan Minyak Sawit Malaysia (MPOA), Persatuan Kebangsaan Pekebun Kecil Malaysia (NASH), Persatuan Peladang Malaysia Timur (EMPA), Persatuan Pemilik Ladang Sawit Sarawak (SOPPOA), Kumpulan Pengeluar Oleokimia Malaysia (MOMG), Persatuan Ahli-ahli Pembiak Baka Sawit Antarabangsa (ISOPB), Persatuan Ahli-ahli Agonomi Sawit Antarabangsa (ISOPA), China Chamber of Commerce of Foodstuff and Native Produce (CFNA) dan pelbagai lagi menjadikan MPOB sebagai tempat rujukan dan penyelesaian masalah. Komunikasi dua hala ini amat berguna demi meningkatkan kesejahteraan industri sawit.

Melalui Program Suai Kenal Minyak Sawit (POFP), MPOB menyediakan platform yang tepat bagi membincangkan perkembangan industri sawit semasa dari pelbagai negara.

Pengalaman dan pengetahuan yang dimiliki dapat dikongsi dan pastinya akan memberi lebih pemahaman mengenai industri sawit Malaysia ataupun berkaitan perdagangan minyak sawit di seluruh dunia.



PEMENANG PERTAMA KATEGORI 2 - AWAM

Ahmad Ghazali Sahib
(No. K/P: 700725-08-5863)
Jalan Bangsar, Kuala Lumpur

Seterusnya ia dapat di sebar kepada ahli-ahli lain. Interaksi ini dapat mempertingkatkan lagi pasaran minyak sawit Malaysia ke seluruh dunia.

Bagi Program Interaksi antara Pengurus Serantau MPOB dengan penggiat industri sawit, ia menjadi program yang menarik ramai peserta. Melalui sesi ini, pengurus serantau MPOB menyampaikan informasi berkaitan perkembangan pasaran minyak sawit, isu serta cabaran di wilayah seliaan masing-masing.

Interaksi ini menjurus kepada memperkukuh kefahaman terhadap dinamik dan kehendak pasaran minyak sawit, menangani pelbagai isu dan cabaran dalam memasarkan minyak sawit Malaysia. Usaha-usaha yang dilakukan MPOB untuk menjaga kepentingan pasaran minyak sawit Malaysia pada peringkat antarabangsa akan dikongsi.

Di samping itu, penggiat industri dapat bertukar pendapat dan berbincang mengenai apa jua permasalahan

yang dihadapi bagi kebaikan dan kemajuan perniagaan mereka. Penggiat industri juga dapat mengenali antara satu sama lain bagi mewujudkan rangkaian kerjasama yang sihat dalam industri minyak sawit negara.

Di sini ahli industri perlu berganding bahu dan bekerjasama dengan Pengurus Serantau MPOB untuk meningkatkan dan memudahkan urusan minyak sawit di pasaran luar Negara.

Program 'Reach & Remind Friends of the Industry Seminar and Dialogue' biasanya membincangkan isu-isu semasa industri. Ia menjadi platform yang sesuai untuk memikirkan cara terbaik bagi mencari penyelesaian, memberi input, menangani perbezaan dan membincangkan strategi bagi menambah pendapatan industri sawit.

Program ini adalah antara inisiatif MPOB untuk menggalakkan interaksi yang lebih berkesan bagi tujuan membincang dan menangani isu-isu penting dan cabaran yang dihadapi. Contohnya maklumbalas mengenai isu kejatuhan harga minyak sawit mentah dan BTS.

Maka strategi menanganinya dirangka bagi mengurangkan stok minyak sawit dan mengukuhkan harga melalui Program Biodiesel B7, Skim Intensif Biodiesel Sawit (SIBS) dan Skim Intensif Tanam Semula Sawit (SITS 2015).

Bagi forum dengan Ahli-ahli Agonomi dan Pembiak Baka Sawit Antarabangsa pastinya menyentuh isu-isu perubahan iklim dunia dan strategi yang diambil bagi mengadaptasikan industri sawit melalui program biak baka dan agronomi.

PERADUAN MENGARANG ESEI BERITA SAWIT BULAN MEI 2016

Peraduan ini terbahagi kepada dua kategori iaitu pelajar sekolah menengah dan awam di seluruh negara. Karangan adalah mengenai industri sawit negara dan antarabangsa dan ditulis tangan berpandukan tajuk yang diberikan di bawah:

Kategori 1:
Pelajar Sekolah Menengah (Tingkatan 1 hingga 5)
Tajuk: "Inovasi pencetus pertumbuhan industri sawit pada masa depan. Bincangkan".

Kategori 2: Awam
Tajuk: "Pengkomersialan teknologi sawit ke arah peningkatan produktiviti. Bincangkan".

Tiga pemenang utama setiap kategori akan menerima;
 ◎ Hadiah Pertama: **RM250**
 ◎ Hadiah Kedua: **RM200**
 ◎ Hadiah Ketiga: **RM150**

Esei yang berjaya mendapat tempat pertama akan disiarkan dalam Berita Sawit keluaran bulan Jun 2016 akan datang.

Keputusan Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Bulan April 2016

PEMENANG KATEGORI 1
Pelajar Sekolah Menengah

Hadiah Pertama
Syafiah Asiliah Salleh
(No. K/P: 010611-14-1064)
SMK Rawang, Rawang, Selangor

Hadiah Kedua
Muhammad Alif Haikal
Ahmad Ghazali
(No. K/P: 001013-10-0401)
SM Darul Ehsan, Batu Caves

Hadiah Ketiga
Nor Syaheera Azhari
(No. K/P: 990617-03-5138)
SMK Kampong Chengal, Kelantan

PEMENANG KATEGORI 2
Awam

Hadiah Pertama
Ahmad Ghazali Sahib
(No. K/P: 700725-08-5863)
Jalan Bangsar, Kuala Lumpur

Hadiah Kedua
Nur Izzah Abdul Sani
(No. K/P: 930121-11-5658)
Taman Beringin, Kulim

Hadiah Ketiga
Mohamad Aiman Abdullah
(No. K/P: 920422-11-5345)
Bandar Bukit Mahkota, Kajang, Selangor

Syarat Penyertaan


- ◎ **Kategori 1:** Terbuka kepada pelajar sekolah menengah Tingkatan 1 hingga 5
- ◎ **Kategori 2:** Terbuka kepada dewasa berusia 18 tahun ke atas dan bukan kakitangan MPOB
- ◎ Panjang esei antara 500 - 700 patah kata
- ◎ Sila nyatakan nama penuh, alamat sekolah (Kategori 1 sahaja), alamat rumah, nombor kad pengenalan, nombor akaun bank dan sertakan sekeping gambar ukuran pasport
- ◎ Keputusan juri adalah muktamad
- ◎ Tarikh tutup penyertaan ialah pada 24 Mei 2016
- ◎ Hantarkan penyertaan ke alamat:
Peraduan Mengarang Esei Berita Sawit Ibu Pejabat MPOB
6, Persiaran Institusi, Bandar Baru Bangi, 43000 Kajang, Selangor
u/p: Noor Asmawati Abdul Samad (Unit Komunikasi Korporat)



Timbalan Ketua Menteri Sarawak, Tan Sri Datuk Patinggi Alfred Jabu bersama-sama Menteri Perusahaan Perladangan dan Komoditi, Datuk Amar Douglas Unggah Embas; Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar Malaysia, Datuk Dr Wan Junaidi Tuanku Jaafar; Menteri Pelancongan Sarawak, Datuk Amar Abang Johari Tun Openg; dan Setiausaha Kerajaan Negeri Sarawak, Tan Sri Datuk Amar Mohamad Morshidi Abdul Ghani ketika Program Sejiwa Senada Grand Finale di Kuching, Sarawak.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Datuk Dr. Sundaran Annamalai bergambar bersama Duta Malaysia ke Belgium dan Luxembourg/Misi Malaysia ke Kesatuan Eropah, Dato' Nafisah Mohamed (dua dari kiri); Timbalan Ketua Pengarah untuk Tenaga, Suruhanjaya Eropah, Christopher Jones (tiga dari kiri) dan pegawai kanan MPOB semasa lawatan ke Suruhanjaya Eropah sempena Misi Promosi baru-baru ini.



Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May selaku Presiden International Society for Fats Research (ISF) bersama Ahli-ahli Lembaga Eksekutif ISF semasa menghadiri Mesyuarat Lembaga Eksekutif ISF yang diadakan di Salt Lake City, Amerika Syarikat, baru-baru ini.



Timbalan Ketua Pengarah (Penyelidikan dan Pembangunan) MPOB, Dr Ahmad Kushairi Din memberi penerangan berkaitan baka sawit kepada Ahli Parlimen Eropah (MEPs) ketika lawatan ke Ibu Pejabat MPOB di Bangi, baru-baru ini.



Dato' Ar. Wan Mohammad Khair-il Anuar Wan Ahmad dan Ketua Pengarah MPOB, Datuk Dr Choo Yuen May bergambar bersama-sama Ahli PAC yang menghadiri Mesyuarat PAC 2016 bagi membincang dan mengulas mengenai projek penyelidikan dan pembangunan MPOB.